



Sila tebuk lubang sebelum dihantar ke Peperiksaan. Maklumat ini dari unit peperiksaan

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2004

Oktober 2004

HMA 101 - Pengantar Pengajian Bahasa Malaysia

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **TUJUH** soalan dalam dua bahagian. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A**. Pilih dan jawab **SATU** soalan dalam **Bahagian B**.

Jawab **SEMUA** soalan di ruang yang disediakan di dalam kertas ini.

No. Soalan	Markah
1	
2	
3	
4	
5	
6 <u>ATAU</u> 7	
Jumlah	

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____


BAHAGIAN A

Jawab SEMUA soalan.

1. Jawab (a) hingga (g).

- (a) Namakan daerah sebutan yang bernombor (i) hingga (iv) di dalam Rajah 1 di ruang yang disediakan di Jadual 1. Kemudian, berikan satu contoh bunyi untuk setiap daerah sebutan tersebut. Selepas itu, berikan satu contoh perkataan bahasa Malaysia yang mempunyai bunyi tersebut. Gariskan juga bunyi yang dinyatakan itu dalam contoh perkataan anda. Lihat contoh yang diberikan dalam Jadual 1.

[6 markah]



Rajah 1

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

Daerah Sebutan	Bunyi	Perkataan
CTH: dwibibir	CTH: [m]	CTH: amanat
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		

Jadual 1

- (b) Lukiskan gambar rajah berlabel untuk menunjukkan keadaan pita suara ketika menghasilkan bunyi bersuara dan bunyi tak bersuara di Jadual 2.

[3 markah]

Bunyi Bersuara	Bunyi Tak Bersuara

Jadual 2

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

- (c) Menggunakan satu contoh yang sesuai, terangkan perbezaan antara bunyi bersuara dan bunyi tak bersuara.

[1 markah]

- (d) Berikan deskripsi fonetik bagi setiap bunyi dalam Jadual 3.

[4 markah]

Bunyi	Deskripsi Fonetik
CTH: [p]	CTH: konsonan oral dwibibir tak bersuara
(i) [ɸ]	
(ii) [ɸ]	
(iii) [k]	
(iv) [ɸ]	


Jadual 3

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

(e) Berikan alofon (i) hingga (iii) untuk fonem /k/ dalam Jadual 4.

[1 ½ markah]



Jadual 4

(f) Menggunakan fonem / k / dan alofon-alofon yang anda nyatakan dalam 1(e), terangkan satu perbezaan antara fonem dengan alofon.

[1 ½ markah]

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

(g) Berikan transkripsi luas bagi frasa (i) hingga (iv) dalam Jadual 5.

[4 markah]

Perkataan	Transkripsi Luas
(i) kelentong	
(ii) isyaratnya	
(iii) khanjar-khanjar	
(iv) mengghaibkan cemeti Tun Telanai	

Jadual 5

2. Jawab soalan (a) hingga (e).

(a) Berikan golongan kata untuk kumpulan perkataan yang disenaraikan dalam Jadual 6. Perhatikan ujian yang digunakan untuk mengenal pasti golongan kata untuk perkataan tersebut.

[3 markah]

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

Perkataan	Golongan Kata	Ujian Pengenalpastian
<u>Kumpulan I</u> BMBATI tanah-tanah penolong penerbit lipas kudung		
<u>Kumpulan II</u> berbaring terbentang didelegasikan memperduakan		
<u>Kumpulan III</u> sedap kemelayuan halus putih		

Jadual 6

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

- (b) Lukis rajah pohon struktur dalaman untuk lipas kudung dan memperduakan

[6 markah]

lipas kudung
memperduakan

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

- (c) Kenal pasti morfem bebas, morfem terikat, dasar, dan akar untuk lipas kudung dan memperduakan dalam Jadual 7.

[4 markah]

perkataan	morfem bebas	morfem terikat	dasar	akar
lipas kudung				
memperduakan				

Jadual 7

- (d) Berikan rumus morfografemik untuk memperduakan.

[4 markah]

- (e) Berikan cara pembentukan perkataan BMBATI, didelegasikan, lipas kudung, dan tanah-tanah dalam Jadual 8.

[2 markah]

perkataan	cara pembentukan kata
BMBATI	
didelegasikan	
lipas kudung	
tanah-tanah	

Jadual 8

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

3. Jawab soalan (a) hingga (d).

(a) Kenal pasti jenis frasa dan kepala frasa dalam frasa (i) hingga (iv) dalam Jadual 9.

[4 markah]

frasa	Jenis Frasa	Kepala Frasa
(i) pada bulan Rejab 3004		
(ii) ramai pelajar HMA101		
(iii) membeli tiket		
(iv) kecil		

Jadual 9

(b) Kenal pasti bahagian ayat yang berfungsi gramatis (i) hingga (v) dalam Jadual 10 untuk ayat berikut:

Pada bulan Rejab 3004, ramai pelajar HMA 101 telah membeli tiket belon kecil untuk berhari raya di planet Hmarano.

[5 markah]

Fungsi Gramatis	Bahagian Ayat
(i) subjek	
(ii) predikat	
(iii) predikator	


Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

(iv) objek	
(v) keterangan tujuan	

Jadual 10

- (c) Lukis rajah pohon untuk frasa **ramai pelajar HMA 101** dalam ruangan yang disediakan.

[3 markah]



Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

(d) Pisah-pisahkan ayat majmuk berikut kepada ayat tunggal.

Pelajar yang menduduki peperiksaan HMAT 2020 dan HMAT 2035 telah menonton filem "Puteri Gunung Siguntang" di Kompleks Bukit Siginteng.

[3 markah]

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

4. Jawab (a) dan (b).

- (a) Lihat frasa, klausa, atau ayat dalam Jadual 11 yang diambil (dan diubah suai) daripada cerpen 'Dialog Pahlawan' yang ditulis oleh Rejab F.I. untuk *Mingguan Malaysia* 18 Julai 2004. Berikan makna yang selaras dengan apa yang dicatat dalam kurungan kepada frasa, klausa, atau ayat (i) hingga (iv). Anda boleh menggunakan lakaran dan/atau ungkapan yang bersesuaian. Lihat contoh dalam Jadual 11.

[8 markah]

CTH: hamba kkuatir (makna sinonim) Jawapan: saya risau
(i) mencengkam negeri Pahang (makna denotasi)
(ii) Wajarkah bahasa asing dijunjung, bahasa sendiri dikelek? (makna konotasi)
(iii) lampu menerangi bilik (makna gramatikal)
(iv) Fatimah seorang pahlawan wanita (makna antonim)

Jadual 11

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

- (b) Terangkan perubahan makna asal ke makna yang digunakan kini untuk frasa (i) hingga (iv) dalam Jadual 12 selepas melalui proses perubahan makna yang dicatat dalam kurungan. Anda boleh menggunakan lakaran dan/atau ungkapan yang bersesuaian. Lihat contoh dalam Jadual 12.

[8 markah]

CTH: idola (perubahan makna)	
Jawapan: dari makna asal akar idola, iaitu daripada bahasa Yunani 'idea' yang bermaksud 'bentuk atau penampilan sesuatu benda, jenis, atau spesis' kepada makna yang digunakan terkini 'segala entiti, seperti pemimpin, penyanyi, bintang sukan dan imej yang dipuja'	
(iii)	lelangit dewan (pemindahan makna)
(iv)	rumah pasung (perubahan bentuk)
(v)	balai (peluasan makna)
(vi)	puan (penyempitan makna)

Jadual 12

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

5. Jawab (a) DAN (b).

(a) Lukis huruf bahasa isyarat untuk 'USM'.

[3 markah]

U	S	M

(b) Menggunakan 'USM' yang ditulis dalam huruf biasa dan dalam huruf bahasa isyarat, terangkan dengan ringkas arbitrari dan kreativiti dalam bahasa manusia.

[6 markah]

arbitrari:

kreativiti:

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

BAHAGIAN B

Pilih dan jawab **SATU** soalan.

Jawab **Soalan No. 7 ATAU Soalan No. 8**. Soalan ini perlu dijawab dalam bentuk esei formal di ruang yang disediakan. Ruang ini bermula di Halaman 17, selepas Gambar 1 dan Gambar 2 untuk Soalan (8). Panjang esei ialah antara 250-300 perkataan. Catatkan jumlah perkataan di kotak kecil yang disediakan.

7. Dari sudut pandangan nahu preskriptif, bincangkan sejauhmanakah sesuaiinya pemilihan kata dalam ungkapan (i) dan (ii) untuk ungkapan padanan "Mom, I love you" dari seorang anak lelaki kepada ibunya. Perbincangan anda perlu didasarkan kepada empat [4] ciri yang diutarakan dalam teks *Pengantar Linguistik*.

(i) Mak, Angah cintakan awak.

(ii) Mak, Angah sayangkan mak.

[20 markah]

8. Bincangkan perbezaan dan persamaan empat [4] ciri bahasa bukan verbal dalam Gambar 1 dan Gambar 2 yang diambil dari akhbar *The Star*. Sertakan contoh yang bersesuaian dari gambar dalam perbincangan anda.



Gambar 1



Gambar 2

[20 markah]

...17/-

